

Memimpin dengan Integriti

# Tatakelakuan Kita

---



# Isi Kandungan

---

<b>Tatakelakuan Kita</b>	03	<b>Perniagaan Saksama &amp; Sah</b>	21
Mesej CEO	04	Persaingan Saksama	22
Peranan Tatakelakuan Kita	05	Antirasuah	23
Peranan Anda dan Jangkaan Kepimpinan	06	Perdagangan Antarabangsa	24
Bersuara	07	Konflik Kepentingan	25
Tatakelakuan Kita & Tingkah Laku Utama	09	Perdagangan Orang Dalam	26
Semakan Integriti Kita	10	Pembekal & Rakan Niaga	27
Rangka Kerja Kelestarian Kita	11		
<b>Rasa Hormat terhadap Orang</b>	12	<b>Melindungi Syarikat Kita</b>	28
Hak Asasi Manusia	13	Maklumat dan Keselamatan Siber	29
Keselamatan semasa Bekerja	14	Komunikasi	30
Tempat Kerja Penuh Hormat dan Inklusif	15	Harta Intelektual	31
Privasi Data	16	Perlindungan Aset Syarikat	32
		AI yang Bertanggungjawab	33
<b>Kualiti</b>	17	Rekod Tepat	34
Kualiti Produk & Perkhidmatan Kita	18	Pencegahan Penipuan	35
<b>Alam Sekitar</b>	19		
Mengehadkan Kesan Alam Sekitar Kita	20		

# Tatakelakuan Kita

---



## Rakan Sekerja Sekalian,

Tatakelakuan kita, Memimpin dengan Integriti, menawarkan panduan yang praktikal dan jelas untuk membantu kita bertindak dengan integriti, kekonsistenan dan rasa hormat dalam segala aspek perniagaan kita. Bersama-sama dengan Tingkah Laku Utama kita, Tatakelakuan mentakrifkan cara kita bekerja, bekerjasama dan membina kepercayaan—dalam Autoliv sendiri serta bersama rakan kongsi kita di seluruh dunia. Cara kita bekerja dan mengikuti standard ini ialah sebahagian daripada usaha kita membina Satu Pasukan.

Tatakelakuan dibangunkan dengan input daripada seluruh Autoliv dan mencerminkan komitmen kolektif kita untuk melakukan perkara yang betul. Tatakelakuan ini tidak bertujuan meliputi setiap situasi, namun menawarkan asas yang kukuh untuk pembuatan keputusan dan perbincangan pasukan. Tatakelakuan ini memperkasakan kita semua untuk **Bersuara**—iaitu bertanya soalan, berkongsi idea dan membangkitkan kebimbangan—agar kita dapat bertambah baik secara berterusan dan saling menyokong antara satu sama lain.

Selain itu, Tatakelakuan juga memupuk budaya inklusi. Apabila kita berasa selamat, dihormati dan pendapat kita didengar—merentasi pasukan,

bidang tugas dan geografi—kita melakukan kerja yang terbaik. Dengan mendampingi pelbagai perspektif, kita mengukuhkan keupayaan kita untuk berinovasi, menyelesaikan cabaran dan berkembang bersama-sama.

Mari jadikan Tatakelakuan sebahagian daripada penetapan minda harian kita. Gunakan Tatakelakuan sebagai panduan semasa merancang, membuat keputusan atau mengharungi situasi yang mencabar. Ini bukan dokumen semata-mata—dalam dunia yang rumit dan berubah-ubah, **Tatakelakuan kita ialah pemalar.** Tatakelakuan menyatukan kita sebagai Satu Autoliv yang bertindak dengan **kekonsistenan, ketelusan dan kejelasan, mendorong kejayaan dalam segala kegiatan kita, membantu kita Menyelamatkan Lagi Nyawa.**

**Ini Tatakelakuan Kita. Kenali. Amalkan. Jadikan asas kepimpinan.**

**Mikael Bratt**  
Presiden & CEO

## Peranan Tatakelakuan Kita

---

Di Autoliv, kita menganggap Tatakelakuan kita sebagai panduan asas untuk cara mengurus niaga.

- Tatakelakuan menetapkan standard bagi semua orang yang memainkan peranan dalam urus niaga kita, termasuk semua pekerja, pemimpin dan Lembaga Pengarah kita
- Tatakelakuan memperkasakan kita untuk bersuara apabila kita mengesyaki terdapat sesuatu yang tidak kena serta apabila kita mempunyai idea untuk penambahbaikan
- Tatakelakuan memberi kita struktur untuk membimbing pembuatan keputusan kita
- Tatakelakuan menunjukkan sumber untuk dirujuk apabila kita mempunyai pertanyaan atau keraguan

**Jika undang-undang tempatan lebih ketat daripada Tatakelakuan kita, kita perlu mematuhi undang-undang. Apabila Tatakelakuan kita lebih ketat, kita perlu mematuhi Tatakelakuan.**




# Peranan Anda dan Jangkaan Kepimpinan

## Peranan Anda:

- **Luangkan masa:** Tatakelakuan kita ialah panduan penting untuk cara kita bekerja di Autoliv. Sila luangkan masa yang secukupnya untuk membaca Tatakelakuan secara teliti serta tanya apa-apa soalan yang timbul. Tatakelakuan tiada jawapan segera untuk setiap situasi yang akan anda hadapi, namun harus menjadi rujukan pertama anda ketika anda atau pasukan anda mengharungi keputusan yang mencabar atau terdapat ketidakpastian. Jika anda memerlukan panduan—bertanya soalan.
- **Bekerjasama:** Tatakelakuan kita menunjukkan nilai sebenar apabila digunakan untuk merangsang dan membimbing perbincangan tentang cara mendekati masalah atau membuat keputusan yang mencabar. Dalam bidang penting, Tatakelakuan memberikan arahan yang jelas tentang perkara yang tidak boleh kita lakukan. Dalam situasi lain pula, Tatakelakuan akan menghalakan anda kepada jabatan dan pakar yang dapat membantu. Penting sekali, Tatakelakuan memastikan anda tidak berasa terpencil dan terpaksa membuat keputusan yang mencabar seorang sendiri.
- **Fahami akibat:** apabila kita berkata Tatakelakuan kita itu penting, pernyataan itu tidak dibuat sewenang-wenangnya. Oleh itu, kita hendaklah menjangkakan akibat jika kita gagal mematuhi panduan dan arahan dalam Tatakelakuan. Pelanggaran Tatakelakuan adalah serius dan boleh mengakibatkan tindakan disiplin.

## Jangkaan Pemimpin

Selain mematuhi semua komitmen dalam Tatakelakuan, pemimpin di Autoliv dikehendaki:

- 
- ➔ Jadi teladan
  - ➔ Sertakan Tatakelakuan dalam perbincangan pasukan secara berkala atau semasa menghadapi masalah atau jika terdapat ketidakpastian
  - ➔ Wujudkan persekitaran yang rakan sekerja berasa selamat untuk mengemukakan soalan, kebimbangan atau idea tentang apa-apa pun topik, namun terutamanya berhubungan dengan mana-mana aspek Tatakelakuan

Speak  
up.

## Cara kita Bersuara @ Autoliv

Di Autoliv, persekitaran kerja yang selamat bukan sahaja berkaitan dengan keselamatan fizikal dan kesihatan kita. Persekitaran kerja juga mempengaruhi kesejahteraan mental kita serta kesudian untuk bersuara.

Di Autoliv, kita memberikan takrifan yang luas kepada istilah bersuara. Takrifan ini merangkumi semua perbincangan dengan niat menyokong perubahan atau penambahbaikan yang positif. Oleh itu, tindakan bersuara termasuklah membangkitkan kebimbangan, bertanya soalan, berkongsi pengetahuan, menggalakkan inklusi atau mencadangkan cara baharu untuk melakukan sesuatu perkara. Ini semua contoh bersuara.





... dan kami akan  
dengar

Tatakelakuan Kita / Rasa Hormat terhadap Orang / Kualiti / Alam Sekitar / Perniagaan Saksama & Sah / Melindungi Syarikat Kita

Jika anda **tidak** selesa bersuara secara bersemuka, Talian Bantuan Autoliv tersedia 24/7 untuk anda melaporkan kebimbangan pematuhan secara sulit.

Jika anda membangkitkan kebimbangan atau bersuara tentang kemungkinan salah laku secara suci hati, anda tidak akan menghadapi apa-apa akibat negatif untuk masa depan anda di Autoliv.

[AS317 – Standard Bersuara Orang](#)  
[hubungan Undang-undang, HR dan Pematuhan](#)



**Bersuara:**  
[autoliv.com/speak\\_up](https://autoliv.com/speak_up)



**Talian Bantuan:**  
[helpline.autoliv.com](https://helpline.autoliv.com)

Apa-apa laporan kepada Talian Bantuan Autoliv, baik melalui telefon atau dalam talian, diterima oleh penyedia pihak ketiga. Maklumat yang diberikan kemudian dihantar kepada pasukan Integriti Pematuhan & Korporat secara sulit dan, atas pilihan anda, secara tanpa nama (apabila boleh). Kami memberikan jaminan bahawa komen anda akan diterima oleh pasukan Penyiasatan Pematuhan serta bahawa kebimbangan anda akan disemak dan disiasat jika perlu. Semua laporan kebimbangan pematuhan yang boleh dipercayai akan tertakluk pada siasatan mengikut [Prinsip Siasatan Pematuhan Autoliv](#)

# Tatakelakuan Kita dan

[Tatakelakuan Kita](#) / Rasa Hormat terhadap Orang / Kualiti / Alam Sekitar / Perniagaan Saksama & Sah / Melindungi Syarikat Kita

Di Autoliv, kita mahu memanfaatkan keupayaan semua rakan sekerja kita dengan menyatukan orang dalam pasukan, kumpulan dan bidang tugas yang berprestasi tinggi. Tingkah Laku Utama kita membantu kita bertindak berdasarkan titik permulaan yang sama, meningkatkan komunikasi dan mengekalkan integriti dalam segala perkara yang kita lakukan.

**Anda boleh menemukan butiran lanjut tentang Tingkah Laku Utama kita di sini:**

[Laman LifeNet Tingkah Laku Utama](#)

## Mendayakan Tatakelakuan Kita



### Terima tanggungjawab

Segalanya bermula dengan saya

- Kita mengangkat tangan apabila mengesan masalah
- Kita memperlaku satu sama lain secara saksama dan penuh hormat
- Kita konsisten dari segi pertuturan dan tindakan
- Kita saksama dan mematuhi peraturan



### Tambahkan nilai

Saya pastikan nilai disampaikan kepada pelanggan saya

- Kita mementingkan keputusan akhir
- Kita menganggap seluruh rantaian sebagai Hujung ke Hujung



### Bekerjasama

Saya menunjukkan kerjasama dengan meminta dan memberikan sokongan

- Kita tanya orang yang dapat membantu serta orang yang saya dapat bantu
- Kita berkongsi perkara baik dan juga buruk
- Kita meminta dan memberikan maklum balas secara berkala



### Elakkan kerumitan

Saya memastikan perkara tertumpu dan mudah

- Kita menjelaskan jangkaan
- Kita berkongsi tujuan dan konteks
- Kita memikirkan masa depan untuk mencegah isu



### Bersikap ingin tahu

Saya meneroka cara yang lebih baik untuk melakukan sesuatu

- Kita bertanya soalan untuk memahami orang lain
- Kita menghapuskan punca sebenar melalui penyelesaian masalah yang teguh
- Kita mencari amalan terbaik dan cara yang inovatif untuk bertambah baik

## Semakan Integriti Kita

Konflik, dilema dan keputusan yang mencabar ialah cabaran yang biasa dihadapi dalam setiap perniagaan. Perkara penting adalah untuk mengakui cabaran sedemikian dan berhenti sebentar untuk membuat keputusan yang paling sesuai mengikut keupayaan kita atau berharap bahawa cabaran akan lenyap jika kita abaikan sahaja cabaran (...yang tidak akan berlaku!).

Jika anda menghadapi konflik, dilema atau keputusan yang mencabar, berhenti sebentar dan jalani Semakan Integriti kita. Soalan tersebut akan membantu anda menavigasi dan menguji pilihan anda, seelok-eloknya bersama pengurus anda atau rakan sekerja yang lain. Walaupun tiada jaminan bahawa anda akan membuat keputusan yang sempurna, tindakan ini akan membantu anda mengelakkan pembuatan keputusan yang tergesa-gesa atau keputusan yang akan dikesali kemudian.

Apabila anda menjawab soalan, pastikan anda sedar akan tekanan atau bias yang mungkin mempengaruhi keputusan anda atau keputusan orang di sekeliling anda. Tiada orang yang tidak bias sepenuhnya, namun kita boleh membuat keputusan yang lebih baik dengan mempertimbangkan perkara yang mempengaruhi cara kita berfikir dan bertindak.



Jika anda menjawab mana-mana soalan dengan “tidak” atau “saya tidak pasti”, berhenti dan dapatkan panduan tambahan.

# Rangka Kerja Kelestarian Kita

Dibimbing oleh visi kita untuk Menyelamatkan Lagi Nyawa, misi kita adalah untuk menyediakan penyelesaian menyelamatkan nyawa bertaraf dunia untuk mobiliti dan masyarakat.

## Tatakelakuan Kita / Rasa Hormat terhadap Orang / Kualiti / Alam Sekitar / Perniagaan Saksama & Sah / Melindungi Syarikat Kita

Kelestarian disepadukan dalam segala perbuatan kita serta merupakan pemacu asas untuk pembezaan pasaran dan penghasilan nilai untuk pihak berkepentingan, membantu kita memastikan bahawa perniagaan kita akan terus berkembang maju dan menyumbang kepada pembangunan yang lestari dalam jangka masa panjang. Untuk berbuat demikian, kita perlu mempertimbangkan kesan perniagaan kita secara sistematik—kesan ekonomi, sosial dan

alam sekitar—dalam pembuatan keputusan dan operasi kita. Rangka Kerja Kelestarian kita memberikan tumpuan pada bidang utama yang boleh kita membuat sumbangan positif namun turut mempunyai risiko dan kesan yang perlu diurus. Sebagai bahagian penting daripada Rangka Kerja, Tatakelakuan kita menggariskan cara kita mengurus niaga secara lestari dan cara kita memenuhi kewajipan kita sebagai penandatangani [Perjanjian Global UN](#)



Baca lebih lanjut tentang cara kita menyepadukan Rangka Kerja Kelestarian kita, bersama dengan sasaran dan prestasi kita:

[Laman web kita](#) | [Laporan Kelestarian](#)

# Rasa Hormat terhadap Orang

---

# Hak Asasi Manusia

## Mengapa?

Kita mesti mengendalikan operasi perniagaan kita dengan cara yang menghormati hak asasi manusia.



### Komitmen Kita:

- Kita tegas dan sentiasa berjaga-jaga untuk memastikan bahawa urus niaga kita (termasuk rantaian bekalan kita) tidak menyokong apa-apa bentuk pencabulan hak asasi manusia.
- Kita tidak bertolak ansur terhadap apa-apa bentuk buruh kanak-kanak, buruh paksa, pemerdagangan manusia atau amalan perhambaan moden yang lain dalam operasi atau rantaian bekalan kita.
- Kita berhasrat menyediakan gaji yang berpatutan, waktu bekerja yang munasabah, manfaat dan syarat pekerjaan lain yang selaras dengan standard buruh antarabangsa, undang-undang dan prinsip hak buruh yang berkenaan.
- Kita menyokong hak untuk bekerja di persekitaran yang selamat dan terlindung dengan peluang yang saksama serta bebas daripada apa-apa bentuk diskriminasi, gangguan, penyalahgunaan atau tindakan balas.
- Kita menghormati hak kebebasan berserikat dan rundingan kolektif serta menggalakkan dialog terbuka dan telus dengan semua rakan sekerja dan, apabila berkenaan, wakil kumpulan buruh berorganisasi.
- Kita menjalani usaha wajar hak asasi manusia yang sesuai terhadap operasi, rakan niaga dan pembekal kita.

### Peranan Anda:

- Memastikan semua rakan sekerja dan semua orang yang bekerjasama dengan kita berbuat demikian secara bebas dan menurut syarat yang dipersetujui.
- Memastikan tingkah laku anda menghormati hak dan maruah semua rakan sekerja dan semua orang yang bekerjasama dengan kita, serta tidak sekali-kali terlibat dalam atau membenarkan apa-apa jenis penyalahgunaan.
- Menyokong proses usaha wajar hak asasi manusia kita dalam operasi kita sendiri, serta dalam penilaian rakan niaga dan pembekal baharu dan sedia ada.

- Bersuara dengan segera jika anda mengesyaki hak asasi manusia mana-mana orang dicabuli sehubungan dengan perniagaan kita, tidak kira pencabulan yang disyaki berkaitan dengan operasi kita atau berlaku ketika aktiviti perniagaan yang lain, seperti perjalanan perniagaan atau acara sosial berkaitan kerja.



### Sentiasa Ingat:

Pencabulan hak asasi manusia terus berlaku di hampir semua negara sedunia. Oleh itu, kita mesti berwaspada dan tidak membuat andaian bahawa isu sedemikian tidak mungkin timbul dalam urus niaga Autoliv.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan. Ingat, anda dilindungi daripada tindakan balas dan setiap kebimbangan yang dikemukakan akan disiasat secara teliti, dengan penyelesaian yang wajar apabila perlu.

- [Pernyataan Dasar Hak Asasi Manusia Autoliv](#)
- [Pernyataan Buruh Paksa Autoliv](#)

# Keselamatan semasa Bekerja

## Mengapa?

Visi Autoliv untuk Menyelamatkan Lagi Nyawa terpakai untuk tempat kerja serta produk kita. Autoliv komited untuk menyediakan keadaan bekerja yang selamat untuk pekerja dan kontraktor kita.

Kita bermula dengan prinsip bahawa kecederaan dan penyakit berkaitan kerja boleh dielakkan dan berhasrat mengendalikan perniagaan supaya tidak menyebabkan kecederaan atau penyakit untuk pekerja, kontraktor dan pihak berkepentingan lain.



### Komitmen Kita:

- Kita mematuhi perundangan kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang berkenaan.
- Kita meningkatkan sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan kita serta kematangan budaya kesihatan dan keselamatan Autoliv kita secara berterusan.
- Kita mengenal pasti bahaya tempat kerja dan menilai risiko yang berkaitan. Dengan menerapkan hieraki langkah kawalan kesihatan dan keselamatan, kita berhasrat untuk menghapuskan bahaya apabila boleh serta mengurus mana-mana risiko yang ketara bagi mencegah kecederaan atau penyakit. Penilaian risiko akan disemak apabila keadaan berubah.
- Kita menggalakkan peningkatan berterusan dari segi prestasi kesihatan dan keselamatan, menetapkan sasaran dan objektif yang jelas, serta menyediakan rangka kerja yang sesuai bagi menyemak objektif serta prestasi kesihatan dan keselamatan pekerjaan terhadap objektif tersebut.
- Kita menyediakan arahan, latihan dan penyeliaan untuk membolehkan pekerja dan pihak lain di premis kita mengelakkan bahaya serta membuat sumbangan positif kepada kesihatan dan keselamatan sendiri dan orang lain semasa di tempat kerja.
- Kita berunding dengan serta melibatkan pekerja dan pihak berkepentingan lain untuk memperbaiki kesihatan dan keselamatan pekerjaan secara berterusan di Autoliv.
- Kebertanggungjawapan untuk kesihatan dan keselamatan pekerjaan terletak pada kepimpinan Autoliv. Pengurus memikul tanggungjawab utama untuk memastikan pematuhan terhadap standard kesihatan dan keselamatan pekerjaan Autoliv.

### Peranan Anda:

- Setiap pekerja, pada setiap peringkat organisasi, bertanggungjawab atas kesihatan dan keselamatan sendiri dan orang lain,
  - dengan mengikut dan menghormati standard kita,
  - dengan mengenal pasti serta berusaha menghapuskan keadaan dan tingkah laku yang tidak selamat.
- Sertai semua latihan keselamatan wajib dan berbincang dengan pengurus anda jika anda memerlukan bimbingan tambahan.

- Hanya laksanakan tugas yang telah anda jalani latihan serta yang anda miliki keupayaan dan kecekapan yang mencukupi.
- Pastikan anda mematuhi peraturan keselamatan untuk tugas tersebut dan gunakan kelengkapan perlindungan yang sesuai yang disediakan.
- Jangan salah guna atau ganggu apa-apa perkara yang disediakan demi kesihatan, keselamatan atau kebajikan.
- Suarakan apa-apa idea yang dapat memperbaiki kesihatan dan keselamatan selanjutnya secara proaktif.



### Sentiasa Ingat:

Anda bertanggungjawab atas keselamatan diri anda serta orang lain dan orang lain turut bertanggungjawab atas keselamatan anda.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [Pernyataan Dasar H&S Autoliv](#)
- [Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan AS271](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman Standard Kesihatan & Keselamatan](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [MSDS/SDS Sentiasa Tersedia](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Pusat Pembelajaran Autoliv](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Tempat Kerja Penuh Hormat dan Inklusif

## Mengapa?

Kelebihan cara kita bekerja ialah salah satu aset kita yang paling berharga serta memberikan kesan pada segala perkara yang kita lakukan. Rasa hormat terhadap satu sama lain setiap hari penting untuk perkara ini.



### Komitmen Kita:

- Budaya tempat kerja kita berasaskan maruah dan hormat, keselamatan dan sekuriti. Kita komited mengekalkan tempat kerja yang bebas gangguan, penyalahgunaan, serta apa-apa bentuk ugutan fizikal atau mental.
- Kita mengiktiraf bahawa rasa hormat dan inklusi adalah penting untuk budaya yang membolehkan semua orang dapat bekerja sebagai diri sendiri yang sebenar, serta berasa dihargai dan dihormati.
- Pemimpin mesti menjadi teladan dari segi tingkah laku yang penuh hormat dan menggalakkan keselamatan psikologi dan inklusi dalam pasukan dan bidang tugas masing-masing.
- Kita menaikkan pangkat dan menganugerahi rakan sekerja berdasarkan merit, mengikut kriteria yang objektif dan telus.
- Kita menyediakan akses saksama kepada peluang latihan bagi semua rakan sekerja.
- Kita tidak bertolak ansur terhadap apa-apa bentuk diskriminasi atau gangguan serta memperlakukan kes sedemikian secara serius.
- Kita mengiktiraf bahawa rasa hormat dan inklusi di tempat kerja tidak boleh diandaikan. Kedua-dua perkara memerlukan usaha, perbincangan dan renungan berterusan.

### Peranan Anda:

- Menyumbang kepada persekitaran kerja yang positif, penuh hormat dan inklusif dengan memperlakukan rakan secara dengan sopan dan hormat.
- Menambahkan nilai dengan meluangkan masa untuk menjalin hubungan profesional yang baik serta dengar pendapat yang berbeza dengan fikiran yang terbuka.
- Berkomunikasi secara jelas dan bertimbang rasa, memikirkan cara pertuturan atau tindakan anda mungkin memberikan kesan pada orang lain.
- Mengurus tekanan dan sedar akan kesan tekanan pada tingkah laku anda—tekanan tidak menjadi sebab untuk tindakan yang tidak wajar.

- Bersuara jika anda menyaksikan atau mengalami apa-apa bentuk gangguan atau diskriminasi.
- Bersikap ingin tahu tentang perkara yang menyokong inklusi, mengenal pasti halangan dan cadangkan peningkatan apabila anda mengenal pasti peluang untuk mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif.



### Sentiasa Ingat:

Bersuara jika anda menyaksikan pembulian, diskriminasi, gangguan atau tingkah laku yang tidak sesuai. Jangan jadi saksi bisu.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS315 – Tempat Kerja Penuh Hormat dan Inklusif](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Privasi Data

## Mengapa?

Dalam dunia berasaskan data hari ini, privasi bukan demi pematuhan semata-mata—namun penting untuk memperoleh kepercayaan, mengekalkan reputasi jenama serta mengekalkan pertumbuhan jangka panjang. Kita mengiktiraf privasi sebagai hak asasi manusia dan mengurus data peribadi secara bertanggungjawab, dengan integriti serta secara telus untuk semua individu yang kita miliki data.



### Komitmen Kita:

- Kita menghormati privasi sebagai hak asasi manusia, memperlakukan data peribadi dengan berhati-hati, saksama dan integriti dalam segala perkara yang kita lakukan.
- Kita bersikap telus dan boleh dipertanggungjawabkan tentang cara data peribadi dikumpulkan, digunakan dan dikongsi.
- Kita melindungi data peribadi dengan menerapkan langkah keselamatan yang sesuai serta menghadkan penggunaan data kepada tujuan perniagaan yang sah.
- Kita mengurus privasi selaras dengan prinsip, undang-undang, peraturan dan amalan terbaik privasi yang berkenaan secara umum, tidak kira lokasi geografi kita.

### Peranan Anda:

- Mengendalikan data peribadi secara bertanggungjawab dan sentiasa memperlakukan apa-apa maklumat yang boleh mengenal pasti orang lain—secara langsung atau tidak langsung—secara berhati-hati dan sulit.
- Mematuhi Dasar Privasi Data Autoliv serta standard yang berkaitan apabila kerja anda melibatkan data peribadi.
- Berinteraksi dengan pasukan Privasi Data secara awal untuk menilai risiko dan melaksanakan kawalan yang disarankan jika projek anda melibatkan data peribadi.
- Bersuara jika anda menyaksikan atau mengesyaki apa-apa insiden privasi atau pelanggaran data yang melibatkan maklumat peribadi.



### Sentiasa Ingat:

Kita berusaha melindungi privasi semua orang dan kekal patuh secara aktif. Setiap orang memainkan peranan penting—kendalikan data peribadi secara berhati-hati dan kukuhkan komitmen bersama kita terhadap privasi.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS263 – Dasar Privasi Data](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Privasi Data](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Kualiti



# Kualiti Produk & Perkhidmatan Kita

## Mengapa?

Matlamat utama Autoliv adalah untuk Menyelamatkan Nyawa. Produk kita tiada peluang kedua. Inilah sebab kita tidak boleh bertolak ansur dari segi kualiti. Inilah sebab kita menubuhkan Q5—Kualiti mengikut Cara Autoliv.



### Komitmen Kita:

- Dengan mengikut Tingkah Laku Utama kita, kita menjadi teladan dan menyumbang kepada perjalanan Q5 kita ke arah kecacatan sifar dan menyampaikan nilai terbaik untuk semua pelanggan.
- Perjalanan Q5 kita ke arah kecacatan sifar meliputi produk yang kita sampaikan dan penghapusan ralat dalam semua bidang bukan perkilangan.
- Matlamat kita adalah untuk semua bidang tugas di Autoliv berfikir, merancang dan melaksana berdasarkan penetapan minda kecacatan sifar, baik semasa mengusahakan produk mahupun perkhidmatan.
- Kita mematuhi standard kerajaan dan industri yang berkenaan dengan produk atau perkhidmatan kita.
- Kita mendengar semua idea untuk penambahbaikan serta apa-apa kebimbangan berkenaan kualiti dengan fikiran terbuka.

### Peranan Anda:

- Segalanya bermula dengan anda. Menjadi teladan dan menyumbang kepada perjalanan kita ke arah kecacatan sifar.
- Mengenali dan mengikuti perkembangan terkini semua standard dan kawalan kualiti Autoliv yang berkaitan dengan kerja anda.
- Berbincang dengan pengurus anda jika anda memerlukan latihan atau bimbingan tambahan.
- Bersuara jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan berkenaan kualiti atau idea untuk penambahbaikan.
- Menerima tanggungjawab. Mengiktiraf bahawa usaha memenuhi komitmen kualiti kita memerlukan perhatian yang berterusan.

### Q5 – Kualiti mengikut Cara Autoliv



#### Sentiasa Ingat:

Jangan andaikan bahawa orang lain akan menangani kebimbangan kualiti. Jika anda mempunyai pertanyaan atau kebimbangan, berhenti dan minta nasihat.



#### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [Pustaka Dasar Kualiti Autoliv](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Kualiti](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Q5 - Kualiti mengikut Cara Autoliv](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Alam Sekitar

ACS Autoliv China, Shanghai

# Mengehadkan Kesan Alam Sekitar Kita

## Mengapa?

Kita bertanggungjawab terhadap diri kita, keluarga kita, masyarakat dan generasi akan datang untuk sentiasa berusaha meminimumkan kesan alam sekitar kita.



### Komitmen Kita:

- Kita memandang serius terhadap standard alam sekitar kita secara dalaman dan juga luaran dengan pembekal kita.
- Kita menetapkan sasaran iklim yang besar, selaras dengan sains yang mantap dan perjanjian antarabangsa, serta mengambil pelbagai tindakan untuk mencapai sasaran tersebut.
- Kita mengakui bahawa sentiasa terdapat peluang untuk penambahbaikan berterusan dalam semua aspek kesan alam sekitar kita, termasuk iklim, sumber semula jadi, tenaga, sisa, air dan pencegahan pencemaran.
- Kita menerapkan prinsip utama kitaran dan reka bentuk lestari untuk mengurangkan kesan alam sekitar kitaran hayat sepanjang rangkaian bekalan kita dan operasi kita sendiri.
- Pada semua peringkat organisasi, kita memupuk penetapan minda yang berusaha memahami dan meminimumkan kesan alam sekitar dalam segala perkara yang kita lakukan.
- Kita mengukur dan melaporkan kesan alam sekitar kita setiap tahun.

### Peranan Anda:

- Mengenali dan mematuhi standard alam sekitar yang berkenaan untuk kerja anda.
- Memastikan bahawa mana-mana rakan niaga yang bekerjasama dengan anda sejajar dengan komitmen alam sekitar kita (rujuk bab yang berasingan tentang Pembekal & Rakan Niaga).
- Meminimumkan penggunaan bahan, tenaga dan air dalam aktiviti perniagaan anda di dan bagi pihak Autoliv.
- Melaksanakan reka bentuk yang selamat dan lestari serta menerapkan prinsip mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula seberapa banyak yang boleh.
- Menerima tanggungjawab dan Bersuara apabila anda melihat peluang untuk mengehadkan lagi kesan alam sekitar kita.



### Sentiasa Ingat:

Bekerjasama dengan rakan sekerja anda dan ambil langkah—yang besar mahupun yang kecil—untuk mewujudkan tabiat baharu yang meminimumkan kesan alam sekitar kita.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [Dasar Alam Sekitar ALV](#)
- [AS030 – Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar](#) (akses dalam Autoliv sahaja)
- [Pembekal DM Keperluan Penyumberan Lestari ALV](#) (akses dalam Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Kelestarian](#) (akses dalam Autoliv sahaja)
- [Iklim dan Kitaran](#)

# Perniagaan Saksama & Sah

---

# Persaingan Saksama

## Mengapa?

Kita paling berkembang maju dalam pasaran yang saksama dan terbuka. Di seluruh dunia, undang-undang persaingan sedang dikukuhkan dan dikuatkuasakan secara lebih ketat. Pelanggaran peraturan sedemikian boleh menyebabkan akibat yang serius untuk syarikat dan juga pekerja kita.



### Komitmen Kita:

- Kita percaya akan pasaran yang saksama dan terbuka serta mematuhi semua undang-undang persaingan dan antipakat yang berkenaan untuk perniagaan kita.
- Kita berkomunikasi secara jujur dan tepat tentang produk dan perkhidmatan serta mengumpulkan perisikan pasaran daripada sumber yang sah sahaja.
- Kita menetapkan harga secara bebas, berdasarkan kos kita, keadaan pasaran dan daya saing.
- Kita tidak berniat untuk melakukan penyelarasan dengan pesaing, pembekal, pelanggan atau pengedar dengan cara yang boleh mengehadkan persaingan di pasaran secara tidak saksama. Ini termasuk pengaturan harga, peruntukan pasaran atau pelanggan atau pengehadan bekalan.

### Peranan Anda:

- Jangan sekali-kali berkongsi maklumat yang sensitif dari segi komersial dengan pesaing, termasuk harga, strategi, bida, terma kontraktual, data gaji dan strategi diskaun.
- Mengelakkan apa-apa perbincangan bersama pesaing yang boleh dianggap sebagai antipersaingan, baik dalam konteks perniagaan mahupun interaksi sosial tidak formal.
- Mendapatkan kelulusan pasukan undang-undang terlebih dahulu sebelum memasuki apa-apa perjanjian yang boleh menimbulkan kebimbangan persaingan, seperti bida bersama, penanda aras, urusan niaga eksklusif atau kerjasama kelestarian.
- Sentiasa mendapatkan nasihat daripada pasukan Undang-undang jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau kebimbangan berkenaan persaingan saksama atau sebelum memasuki mana-mana perkara berikut: pemberkasan produk, pengaturan eksklusif, keengganan membekal atau perjanjian bersama pesaing.



### Sentiasa Ingat:

Perjanjian antipersaingan yang menyalahi undang-undang terdapat dalam bentuk bertulis atau lisan, malah diimplikasikan melalui tindakan tidak bersuara apabila orang lain bersetuju pada jalan tindakan tertentu. Kerjasama dengan niat suci pun berkemungkinan menyalahi undang-undang. Apabila tidak pasti, berhenti dan berunding dengan pasukan Undang-undang.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS312 – Dasar Persaingan Saksama](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Antipakat dan Persaingan Saksama](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Antirasuah

## Mengapa?

Sogokan dan rasuah merosakkan masyarakat dan melemahkan kepercayaan. Tindakan sedemikian juga tidak bertanggungjawab, salah dan tidak masuk akal dari perspektif perniagaan!



### Komitmen Kita:

- Kita mengenal pasti rasuah sebagai penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan demi perolehan sendiri.
- Kita mengenal pasti sogokan sebagai tindakan menawarkan, menjanjikan, memberikan, menerima atau meminta kelebihan atau apa-apa perkara lain dengan nilai sebagai syarat melakukan suatu tindakan.
- Kita berusaha secara proaktif untuk mencegah apa-apa amalan perniagaan yang bersifat rasuah.
- Kita tidak bertolak ansur terhadap apa-apa bentuk sogokan atau rasuah dalam urus niaga kita dan menjangkakan standard yang sama daripada rakan niaga kita.
- Kita melakukan usaha wajar integriti berasaskan risiko pada pihak ketiga untuk menyokong pendirian toleransi sifar kita.
- Kita tidak bertolak ansur terhadap pembekal, pelanggan atau rakan niaga lain yang menawarkan sogokan sehubungan dengan urus niaga kita dan akan mengambil tindakan jika aktiviti sedemikian ditemukan.
- Kita mengenal pasti bahawa hadiah, hospitaliti, penajaan dan sumbangan derma boleh membawa risiko sogokan serta mengikut standard dan panduan kita sendiri untuk mengurus risiko ini.
- Kita tidak sekali-kali membenarkan tekanan komersial menjejaskan integriti kita.

### Peranan Anda:

- Jangan sekali-kali menawarkan, menjanjikan, memberikan atau menerima apa-apa sahaja yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau tindakan kerajaan secara tidak wajar—tindakan ini dianggap sebagai sogokan di seluruh dunia.
- Mematuhi Dasar Antirasuah kita dan bimbingan tentang hadiah, hospitaliti, penajaan dan sumbangan derma yang disediakan oleh Autoliv.
- Berbincang dengan pengurus anda, pasukan Undang-undang atau Pematuhan jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan.
- Berhati-hati terutamanya ketika berinteraksi dengan pegawai awam. Jika terdapat keraguan, berhenti dan mendapatkan nasihat daripada pasukan Undang-undang atau Pematuhan.

- Ingat: adat tempatan atau “ini cara berurus niaga semata-mata” tidak menjadi alasan untuk amalan rasuah.
- Laporkan apa-apa sogokan atau rasuah yang disyaki dengan segera kepada pasukan Pematuhan atau melalui Talian Bantuan Autoliv.



### Sentiasa Ingat:

Rasuah merosotkan masyarakat dan kepercayaan terhadap perniagaan dan pemimpin perniagaan. Kita mesti kekal tertumpu pada komitmen toleransi sifar kita.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS313 – Standard Antirasuah](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Antirasuah](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Perdagangan Antarabangsa

## Mengapa?

Produk, perkhidmatan dan data kita digunakan di seluruh dunia. Untuk kekal sebagai perniagaan global, kita perlu mematuhi undang-undang eksport, import, percukaian dan sekatan antarabangsa.



### Komitmen Kita:

- Kita berhasrat mematuhi semua undang-undang perdagangan yang berkenaan untuk perniagaan kita di seluruh dunia, termasuk kawalan eksport, undang-undang import dan kastam, undang-undang cukai antarabangsa dan sekatan perdagangan.
- Kita memahami bahawa undang-undang ini boleh terpakai untuk maklumat (termasuk perisian, kod dan maklumat teknikal) dan juga aset fizikal dan kewangan, oleh itu kita berhasrat membangunkan kawalan, dasar dan latihan dalaman kita sewajarnya.
- Kita memahami bahawa ini merupakan bidang undang-undang yang sentiasa berubah dan berusaha untuk sentiasa mengemaskinikan kawalan dan sistem kita.

### Peranan Anda:

- Mengenalni undang-undang perdagangan yang mempengaruhi kerja anda di Autoliv. Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, berbincang dengan pengurus anda atau ahli pasukan Undang-undang atau Pematuhan.
- Memahami bahawa undang-undang perdagangan adalah teknikal dan terperinci. Pastikan anda berhenti dan meminta bimbingan pakar jika perlu.
- Menyedari bahawa undang-undang perdagangan yang mengawal selia perkara yang boleh dipindahkan merentasi sempadan mungkin meliputi maklumat dan aset digital serta produk fizikal. Ini mungkin termasuk e-mel dan panggilan telefon atau video, jadi jika terdapat keraguan, hubungi ahli pasukan Undang-undang atau Pematuhan bagi mendapatkan bimbingan
- Mengetahui tempat dan orang yang mengurus niaga dengan kita serta pastikan terlebih dahulu bahawa kita boleh berdagang secara sah dengan pihak tersebut tanpa melanggar apa-apa undang-undang perdagangan, terutamanya kawalan eksport dan kewajipan sekatan perdagangan.



### Sentiasa Ingat:

Undang-undang perdagangan antarabangsa sentiasa berubah. Pastikan anda mengikuti perkembangan terkini keperluan untuk aktiviti perniagaan anda. Apabila tidak pasti, berhenti dan dapatkan bimbingan pakar.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS304 – Dasar Kawalan Eksport](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Undang-undang](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Konflik Kepentingan

## Mengapa?

Tindakan membenarkan kepentingan atau hubungan peribadi mengganggu pembuatan keputusan anda di Autoliv menimbulkan risiko untuk perniagaan kita serta reputasi anda sendiri.



### Komitmen Kita:

- Kita bergantung pada semua pekerja untuk membuat keputusan yang saksama berdasarkan kriteria objektif dan mengikut kepentingan Autoliv.
- Kita berhasrat mengelakkan konflik kepentingan dalam urus niaga kita. Apabila tidak dapat dielakkan, kita mengurus konflik kepentingan secara proaktif dan telus.
- Kita berusaha untuk mengurus apa-apa konflik yang timbul melalui pendedahan dan pengelakan atau dengan mengambil langkah untuk membetulkan situasi, seperti mengeluarkan individu berkenaan daripada keputusan yang berkaitan, apabila wajar.

### Peranan Anda:

- Semua pekerja Autoliv mesti mendedahkan apa-apa konflik sebenar, berpotensi atau tanggapan antara kepentingan kerja dengan kepentingan peribadi masing-masing. Ini mungkin termasuk:
  - Mengambil rakan atau ahli keluarga sebagai pekerja atau menjadi penyelia individu tersebut
  - Memiliki kepentingan kewangan terhadap pesaing, pelanggan atau pembekal
  - Jawatan pekerjaan atau lembaga luaran yang mungkin menjejaskan pelaksanaan atau keobjektifan anda
- Mengelakkan konflik dengan peranan anda di Autoliv. Jika konflik timbul, mendedahkan konflik dengan segera kepada pengurus anda, Pegawai HR atau Pematuhan.
- Mengikut apa-apa tindakan yang ditetapkan untuk mengurus konflik yang telah didedahkan.
- Mengelakkan apa-apa tanggapan bias, pilih kasih atau pengaruh tidak wajar.



### Sentiasa Ingat:

Konflik dapat diurus apabila didedahkan terlebih dahulu. Apabila disembunyikan, konflik memudaratkan keputusan wajar dan reputasi peribadi. Ketelusan melindungi anda dan Autoliv. Fikirkan masa depan, dedahkan awal dan dapatkan sokongan.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS316 – Konflik Kepentingan](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Konflik Kepentingan](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Perdagangan Orang Dalam

## Mengapa?

Penggunaan maklumat dalaman atau sulit tentang Autoliv atau salah satu rakan niaga kita untuk membeli atau menjual saham tidak beretika serta merupakan kesalahan jenayah.



### Komitmen Kita:

- Kita mengenal pasti maklumat dalaman sebagai maklumat yang boleh menyebabkan kesan ketara pada harga saham sebuah syarikat jika diumumkan. Contoh termasuk butiran tentang prestasi kewangan, produk baharu, perolehan atau prosiding undang-undang syarikat.
- Kita menetapkan Dasar Perdagangan Orang Dalam bagi menyediakan bimbingan dan perlindungan untuk waktu yang wajar dan tidak wajar untuk mendagangkan saham Autoliv atau saham rakan niaga rapat kita.

### Peranan Anda:

- Jangan sekali-kali membeli atau menjual saham pada asas maklumat dalaman.
- Merujuk Dasar Perdagangan Orang Dalam kita sebelum mendagangkan saham Autoliv dan berunding dengan ahli pasukan Undang-undang jika terdapat apa-apa keraguan.
- Mengenali empat tempoh rutin yang pekerja tidak dibenarkan mendagangkan saham Autoliv seperti yang digariskan dalam Dasar Perdagangan Orang Dalam.
- Jika anda tidak pasti sama ada maklumat membentuk maklumat dalaman atau maklumat sulit, berhenti dan berunding dengan pengurus anda atau ahli pasukan Undang-undang.
- Jangan tawarkan petua perdagangan kepada rakan atau keluarga berasaskan maklumat dalaman.



### Sentiasa Ingat:

Jika anda tidak pasti tentang perkara yang mungkin dianggap sebagai maklumat dalaman, rujuk dasar kita atau berunding dengan pasukan Undang-undang.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS314 – Dasar Perdagangan Orang Dalam](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Undang-undang](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Pembekal & Rakan Niaga

## Mengapa?

Reputasi dan produk Autoliv berhubung kait rapat dengan tingkah laku rakan niaga kita, termasuk semua pembekal kita.



### Komitmen Kita:

- Kita memilih pembekal dan rakan niaga kita secara saksama, membina hubungan yang dipercayai serta menjangkakan nilai dan standard tingkah laku yang kita terapkan pada diri kita sendiri.
- Kita menjalankan semakan yang wajar pada pembekal dan rakan niaga baharu untuk mengenal pasti latar belakang, reputasi dan keupayaan pihak tersebut memenuhi jangkauan kita.
- Kita menyemak dan memantau pembekal dan rakan niaga utama kita sepanjang tempoh hubungan kita untuk memastikan bahawa kita berpegang pada komitmen kita terhadap mereka dan mereka memenuhi kewajipan masing-masing terhadap kita.
- Kita menyampaikan jangkauan kita kepada pembekal dan rakan niaga kita secara telus pada permulaan dan juga sepanjang hubungan kita.

### Peranan Anda:

- Mengenaliti Tatakelakuan Pembekal kita dan mematuhi Proses Pengurusan Rantaian Bekalan.
- Berhati-hati sewajarnya apabila mengurus niaga dengan pembekal dan rakan niaga.
- Bersuara jika anda percayai bahawa pembekal atau rakan niaga gagal bertindak dengan integriti atau memenuhi jangkauan Autoliv.
- Sentiasa mendedahkan apa-apa hubungan peribadi anda dengan pembekal atau rakan niaga untuk mengelakkan kemungkinan konflik kepentingan.



### Sentiasa Ingat:

Kita mahu berbangga dengan pembekal dan rakan niaga yang bekerjasama dengan kita serta untuk mereka berbangga kerana bekerjasama dengan Autoliv.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [Tatakelakuan Pembekal](#)
- [Pembekal DM Keperluan Penyumberan Lestari ALV](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [AS 318 - Dasar Usaha Wajar Pihak Ketiga](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Pengurusan Rantaian Bekalan Global](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Proses Penyumberan dan Pembelian Autoliv](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Melindungi Syarikat Kita



# Maklumat dan Keselamatan Siber

## Mengapa?

Sistem data, maklumat, pengilangan dan IT kita merupakan teras perniagaan kita dan semakin berisiko diancam oleh ancaman luaran.



### Komitmen Kita:

- Kita akan terus melabur dalam sistem teknologi bertaraf dunia kita.
- Kita tahu bahawa kejayaan atau kegagalan sistem yang terunggul pun bergantung pada tindakan orang yang menggunakan sistem. Oleh itu, kita akan terus menyediakan latihan dan melaksanakan prosedur yang pintar bagi membolehkan teknologi kita berkembang maju.
- Kita hanya membolehkan sistem IT kita digunakan untuk tujuan sah dan tidak sekali-kali menyimpan atau berkongsi kandungan yang menyalahi undang-undang atau menyinggung perasaan.

### Peranan Anda:

- Memastikan anda mengetahui langkah keselamatan maklumat yang berkenaan dengan kerja anda di Autoliv (termasuk semua prosedur kata laluan dan perisian).
- Menerima tanggungjawab. Jika anda memerlukan latihan keselamatan tambahan bagi mana-mana sistem IT kita, menyusun latihan dengan pengurus anda.
- Menyedari bahawa terdapat banyak kumpulan teratur yang berniat mengeksploitasi kerentanan fizikal dan digital di syarikat seperti Autoliv untuk mensabotaj sistem, mencuri wang dan maklumat berharga atau meminta wang tebusan untuk mengeluarkan perisian hasad.
- Jangan biar kumpulan sedemikian mengeksploitasi anda atau rakan sekerja anda. Sentiasa kekal berwaspada dan berfikir sebelum mengklik.
- Jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan atau mengetahui apa-apa pelanggaran atau kegagalan IT, bersuara serta-merta dengan melaporkan insiden keselamatan IT. Laporan sedemikian akan dipertanggungjawabkan secara sulit dan boleh dihantar secara tanpa nama apabila dibenarkan oleh undang-undang tempatan.



### Sentiasa Ingat:

Berfikir sebelum mengklik!



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS264 – Dasar Keselamatan Maklumat dan Keselamatan Siber](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [AS265 – Dasar Pengelasan Data](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [ITS-0016 - Pengurusan Insiden Keselamatan Maklumat & Keselamatan Siber](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Portal Laporan Insiden Keselamatan](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

## Komunikasi

### Mengapa?

Komunikasi yang jelas, saksama dan tepat mengukuhkan reputasi kita dan membantu dari segi menarik minat rakan sekerja, pelanggan dan rakan kongsi yang terbaik.



### Komitmen Kita:

- Kita berusaha untuk sentiasa berkomunikasi dengan cara yang jelas, saksama dan tepat dalam segala perkara yang kita lakukan, daripada pelaporan awam formal hingga cara kita merangka mesej dan berkomunikasi antara satu sama lain.
- Kita mengawal orang yang dibenarkan membuat pengumuman awam bagi pihak Autoliv untuk mengelakkan apa-apa risiko kekeliruan serta mengekalkan standard yang tinggi dalam pernyataan awam kita.
- Kita menghendaki pemimpin dan pengurus kita untuk sentiasa menjadi teladan dari segi komunikasi dalaman yang baik dengan berkomunikasi secara berkala dan dengan cara yang jelas, saksama dan inklusif.
- Kita menghormati maklumat sulit orang yang bekerjasama dengan kita, serta mengendalikan maklumat tersebut dengan integriti dan berhati-hati.
- Kita tidak sekali-kali membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan tentang diri kita sendiri, pesaing kita atau pelanggan kita.
- Kita mematuhi semua peraturan yang berkenaan berhubungan dengan komunikasi kita.

### Peranan Anda:

- Sentiasa berusaha menjadi duta bagi pihak Autoliv dari segi cara anda berkomunikasi.
- Sentiasa bersikap jelas, saksama dan inklusif dalam komunikasi anda.
- Berkomunikasi secara penuh hormat tidak kira orang yang berkomunikasi dengan anda.
- Rujuk apa-apa permintaan media kepada jabatan Komunikasi Korporat.
- Hanya mengakui diri sebagai jurucakap Autoliv jika anda mempunyai kebenaran formal untuk berbuat demikian.
- Mengingati bahawa semua bentuk komunikasi digital, termasuk siaran media sosial, boleh dikongsi dengan pantas dan biasanya tidak dapat dipadamkan.

- Jangan berkongsi maklumat sulit, rahsia atau sensitif dari segi komersial dengan sesiapa pun di luar Autoliv, melainkan kita mengikat perjanjian bertulis dengan individu atau organisasi berkenaan.
- Jangan buat petikan atau merujuk pelanggan atau rakan niaga kita tanpa kebenaran mereka.



### Sentiasa Ingat:

Jangan sekali-kali mendedahkan maklumat sulit atau sensitif dalam apa-apa siaran media sosial atau kumpulan sembang.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS250 – Penjenamaan Autoliv](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [AS251 – Dasar & Garis Panduan Komunikasi](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [AS265 – Dasar Pengelasan Data](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Harta Intelektual

## Mengapa?

Keupayaan inovatif dan kelebihan bersaing Autoliv bergantung pada perlindungan aset intelektual kita—paten, teknologi, reka bentuk dan bahan hak cipta. Penyalahgunaan atau kehilangan harta intelektual (IP) boleh menyebabkan risiko undang-undang, kewangan dan reputasi yang serius. Perlindungan aset ini ialah keutamaan strategik serta tanggungjawab bersama di seluruh organisasi.



## Komitmen Kita:

- Kita mengekalkan sistem dalaman, dasar yang teguh, serta kepakaran undang-undang untuk mengenal pasti, melindungi dan menguatkuasakan hak IP kita di seluruh dunia, dengan itu melindungi ciptaan kita.
- Apabila kita menjangkakan orang lain menghormati IP kita, begitu juga kita komited untuk menghormati IP rakan kongsi, pembekal dan pesaing kita.
- Kita memantau risiko IP yang berpotensi secara proaktif dan mengambil tindakan tepat pada masanya untuk menghalang penyalahgunaan atau pelanggaran.
- Kita mengenal pasti, melindungi dan mengurus ciptaan, penyelesaian teknikal serta inovasi lain yang dibangunkan dalam Autoliv secara wajar.
- Kita mengelakkan pendedahan awam pramatang (bertulis, lisan, digital atau sebaliknya) bagi maklumat teknikal yang boleh menjejaskan hak paten atau kesulitan penyelesaian kita.
- Kita menghormati hak IP pihak ketiga dan menggunakan teknologi, data dan perisian luaran dalam terma lesen dan kewajipan kontraktual yang dibenarkan sahaja.
- Kita menghalang akses, penyalinan, pengedaran atau pengubahsuaian IP Autoliv tanpa kebenaran oleh pihak dalaman atau luaran.

## Peranan Anda:

- Memberitahu pasukan Undang-undang tepat pada masanya tentang apa-apa ciptaan, pembangunan produk atau projek kerjasama baharu. Penglibatan awal memastikan pemfailan paten dan perlindungan IP yang tepat pada masanya.
- Hanya berkongsi maklumat sulit, rahsia dagangan atau pengetahuan proprietari dengan individu yang dibenarkan dengan keperluan sah untuk tahu dan diikat oleh perjanjian kerahsiaan yang sesuai.
- Sentiasa berwaspada. Jika anda mengesyaki bahawa IP Autoliv disalah guna atau bahawa seseorang melanggar hak kita, laporkan dengan segera kepada pasukan Undang-undang atau pengurus anda.
- Memikir berulang kali sebelum berkongsi maklumat, baik secara dalaman mahupun secara luaran. Jika anda tidak pasti sama ada maklumat adalah sensitif atau terlindung atau tidak, berhenti dan dapatkan bimbingan.

- Terus menyumbang kepada budaya inovasi kita sambil bertindak secara bertanggungjawab dan memastikan bahawa idea anda didokumentasikan dan dilindungi secara wajar.
- Apabila tidak pasti, Bersuara. Perlindungan idea kita bermula daripada anda.

Sila juga rujuk bab berasingan tentang *Perlindungan Aset Syarikat*.

## Peranan Anda dalam Melindungi IP

- Dedahkan ciptaan tepat pada masanya menurut AS103 – Paten Standard.
- Jangan berkongsi maklumat teknikal secara luaran tanpa semakan dan kelulusan yang diperlukan.
- Jangan sekali-kali memuat naik data teknikal Autoliv kepada alat atau storan luaran yang tidak diluluskan.
- Gunakan maklumat pihak ketiga sebagaimana yang dibenarkan oleh kontrak, lesen dan NDA sahaja.
- Laporkan penyalahgunaan jenama atau tanda dagangan Autoliv, termasuk dokumen atau aset digital palsu.
- Laporkan risiko IP dengan segera—seperti kecurian, pemalsuan atau pendedahan tanpa kebenaran yang disyaki.



## Sentiasa Ingat:

Perlakukan harta intelektual kita dengan tahap kewaspadaan dan usaha yang digunakan untuk mana-mana aset berharga. Kewaspadaan dan penetapan minda proaktif anda akan menyumbang kepada pemuliharaan kedudukan peneraju kita dalam keselamatan dan inovasi.



## Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS103 – Standard Paten](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman LifeNet Undang-undang](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Perlindungan Aset Syarikat

## Mengapa?

Aset syarikat kita membolehkan kita beroperasi, berinovasi dan berkembang sebagai perniagaan secara selamat. Aset ini termasuk maklumat sensitif dari segi komersial, teknologi, harta fizikal, sumber kewangan, harta intelektual dan jenama Autoliv kita. Setiap satu daripada kita bertanggungjawab melindungi aset ini serta menggunakan aset secara berhati-hati, cekap dan dengan integriti.



### Komitmen Kita:

- Penyalahgunaan aset Autoliv—fizikal, digital, kewangan atau intelektual—tidak ditoleransi sama sekali. Aset mesti digunakan untuk manfaat Autoliv semata-mata.
- Kita melindungi aset kewangan Autoliv dan berusaha secara proaktif untuk mencegah penipuan dan salah laku.
- Penggunaan peribadi teknologi syarikat (komputer, telefon pintar, komputer riba) yang terhad dibenarkan selagi tidak menjejaskan kualiti kerja, keselamatan sistem atau ketersediaan, serta tidak menyebabkan bahaya atau menyinggung perasaan.
- Kita melindungi jenama Autoliv dan berusaha secara aktif untuk mengehakdan barangan palsu di pasaran.

### Peranan Anda:

- Menggunakan semua aset Autoliv secara bertanggungjawab dan untuk tujuan perniagaan yang sah sahaja. Ini termasuk sistem IT, yang tidak boleh digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang atau bahan yang tidak sesuai.
- Mengikuti semua prosedur yang berkaitan dengan maklumat sulit, privasi data dan keselamatan digital bagi melindungi Autoliv dan diri anda sendiri.
- Melindungi sumber Autoliv daripada kecurian, kerosakan atau pelupusan tidak wajar.
- Mengelakkan jalan pintas, pintasan teknikal atau kaedah lain yang tidak wajar semasa menggunakan aset syarikat.
- Mengekalkan kerahsiaan berhubung dengan produk dan maklumat Autoliv dan rakan kongsi kita.

Sila juga rujuk bab berasingan tentang *Harta Intelektual*. Bersuara dengan segera jika anda mengetahui akan produk palsu.



### Sentiasa Ingat:

Dengan melindungi dan mempertingkatkan aset kita, terutamanya harta intelektual kita, kita mengukuhkan asas Autoliv untuk mencapai kejayaan jangka panjang. Setiap pekerja memainkan peranan penting dalam melindungi inovasi dan maklumat yang membolehkan status peneraju kita dalam teknologi keselamatan.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [ITS-0118 Penggunaan Boleh Diterima IS/IT](#) (akses dalam Autoliv sahaja)
- [AS265 – Dasar Pengelasan Data](#) (akses dalam Autoliv sahaja)
- [AS323 – Dasar & Standard Keselamatan Fizikal](#) (akses dalam Autoliv sahaja)
- [AS103 – Standard Paten](#) (akses dalam Autoliv sahaja)

## AI yang Bertanggungjawab

### Mengapa?

Kita mengakui bahawa kecerdasan buatan (AI) boleh mendatangkan manfaat yang hebat untuk pelanggan, pekerja dan masyarakat kita. Pada waktu yang sama, kita memahami bahawa AI boleh menjejaskan orang dan komuniti dengan cara yang unik. Itulah sebab kita komited untuk menggunakan AI secara bertanggungjawab dan telus, dibimbing oleh Dasar AI Bertanggungjawab kita dan prinsip berasaskan nilai, supaya setiap keputusan berasaskan AI mencerminkan integriti dan kepercayaan.



### Komitmen Kita:

- Kita komited untuk menerapkan prinsip berasaskan nilai kita untuk AI yang bertanggungjawab dalam pembuatan keputusan berhubung dengan pembangunan dan penggunaan AI.
- Kita sentiasa mempertimbangkan kesan yang mungkin pada individu dan masyarakat sebelum melaksanakan teknologi AI.
- Kita komited untuk melindungi hak yang terlindung dari segi undang-undang.
- Kita bersikap jelas dan terbuka tentang cara sistem AI kita beroperasi, data yang sistem gunakan serta hasil yang sistem jana.
- Kita melindungi data dan mencegah penyalahgunaan, menggunakan langkah keselamatan dan pengurangan bias yang teguh untuk melindungi individu dan komuniti.
- Kita menjajarkan amalan AI kita dengan standard, undang-undang dan amalan terbaik global, tidak kira tempat kita beroperasi.

### Peranan Anda:

- Menggunakan AI secara bertanggungjawab, memastikan bahawa output adalah saksama, boleh dijelaskan dan sejajar dengan Dasar AI Bertanggungjawab Autoliv.
- Jangan bergantung pada AI semata-mata; semak dan sahkan output, terutamanya jika output akan memberikan kesan pada orang, keselamatan, kualiti atau pematuhan.
- Berinteraksi dengan pasukan Pengurusan Data dan AI seawal mungkin untuk menilai risiko dan melaksanakan kawalan yang diperlukan untuk projek AI.
- Bersuara jika anda menyaksikan atau mengesyaki apa-apa penyalahgunaan, bias atau kebimbangan undang-undang atau etika lain sehubungan dengan sistem AI dan penggunaan sistem sedemikian dalam Autoliv.

Bidang berikut dipertimbangkan dalam prinsip berasaskan nilai kita untuk AI bertanggungjawab:

- Kelestarian, penghasilan nilai bersama dan pengurangan impak
- Nilai berpusatkan manusia dan penggunaan bertanggungjawab AI
- Ketelusan dan Kebolehhajatan
- Kualiti, Keteguhan, Sekuriti dan Keselamatan
- Tanggungjawab dan Kebertanggungjawapan
- Privasi, Kerahsiaan dan Hak Harta Intelektual



### Sentiasa Ingat:

AI ialah teknologi berkuasa yang menawarkan banyak manfaat, namun juga menyertakan risiko. Sesiapa sahaja yang menggunakan AI hendaklah ingat bahawa inovasi bukan melakukan perkara yang boleh dilakukan semata-mata, namun turut melakukan perkara yang bermakna. Kita boleh mempercepat nilai dan prestasi melalui AI sementara kekal bertanggungjawab untuk mengurus risiko secara bertanggungjawab dan berpegang pada nilai kita.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS333 – Dasar AI Bertanggungjawab](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Pengurusan Data dan AI](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Perlindungan Data Autoliv - AI](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

## Rekod Tepat

### Mengapa?

Rekod perniagaan yang tepat dan dikekalkan dengan betul penting untuk keupayaan kita menjalankan Autoliv secara cekap dan mengekalkan kepercayaan luaran dalam perniagaan kita.



### Komitmen Kita:

- Kita komited mengekalkan rekod yang tepat dalam semua bidang perniagaan kita, daripada pemeriksaan produk, penyimpanan rekod dan pelaporan keselamatan tepat pada masanya hingga laporan perakaunan kewangan dan alam sekitar.
- Kita telah melaksanakan sistem dan prosedur yang diperlukan bagi mengumpulkan dan menyimpan rekod secara cekap, tepat dan selamat.
- Kita memastikan rekod dikekalkan menurut masa pengekalan kita yang ditetapkan serta dilupuskan dengan wajar pada akhir kitaran hayat.
- Kita mematuhi semua peraturan yang berkenaan, termasuk peraturan berkaitan cukai, duti dan antipengubahan wang haram.
- Kita merekod dan membentangkan semua transaksi kewangan selaras dengan prinsip perakaunan yang berkenaan.
- Kita membuat laporan tepat pada masanya berdasarkan dasar pelaporan dalaman kita serta standard profesional dan undang-undang yang berkenaan.

### Peranan Anda:

- Jangan sekali-kali merekodkan maklumat palsu atau mengelirukan.
- Memastikan bahawa apa-apa kesilapan diberitahu dan dibetulkan secepat yang mungkin.
- Jika anda menyaksikan atau mengesyaki apa-apa kejadian penipuan yang melibatkan mana-mana rekod perniagaan kita (termasuk semua pelaporan kewangan), laporkan dengan segera kepada ahli pasukan Undang-undang atau Pematuhan.
- Mengelakkan kerumitan. Menyerahkan semua rekod tepat pada masanya dan selaras dengan dasar tempatan secara tepat.
- Jangan sekali-kali memadamkan atau memusnahkan apa-apa rekod perniagaan tanpa kuasa yang jelas untuk berbuat demikian dan sentiasa ikut prosedur yang betul.
- Mematuhi standard AS303 kita dengan memastikan semua maklumat dikekalkan dan dipadamkan atau dimusnahkan menurut jadual pengekalan kita.



### Sentiasa Ingat:

Maklumat tepat bermula daripada anda. Daripada mesej yang dihantar melalui saluran tidak formal hingga laporan perbelanjaan dan maklumat audit, integriti cara kita merekodkan dan membentangkan maklumat ialah unsur penting dalam cara kita membina kepercayaan di Autoliv.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS303 – Dasar Rekod & Pentadbiran Maklumat](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)
- [Laman Rekod dan Pentadbiran Maklumat Global Autoliv](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Pencegahan Penipuan

## Mengapa?

Penipuan bukan pelepasan aset atau tipuan semata-mata—sebaliknya mana-mana tindakan pemalsuan, manipulasi atau salah nyata yang merosakkan kepercayaan, integriti atau keselamatan. Di syarikat kita, pecah amanah yang kecil pun boleh mendatangkan akibat besar. Pencegahan penipuan melindungi reputasi kita, pelanggan kita serta orang yang bergantung pada produk dan penyelesaian kita.



### Komitmen Kita:

- Menghalang penipuan dalam semua bentuk—kewangan, operasi atau berkaitan amanah.
- Mengekalkan proses dan kawalan yang jelas untuk mengesan dan menghalang tingkah laku penipuan.
- Memastikan saluran pelaporan yang terbuka disediakan supaya kebimbangan dapat dikemukakan dan ditangani.
- Melakukan latihan dan pemantauan berterusan untuk memastikan semua orang termaklum dan berwaspada.
- Mempertahankan integriti sebagai perkara yang tidak boleh dirunding; setiap keputusan hendaklah berdasarkan fakta dan rekod yang tepat, mencerminkan ketelusan dan kepercayaan.

### Peranan Anda:

- Bersikap jujur dalam semua pelaporan, dokumentasi dan komunikasi.
- Mengikut dasar syarikat dan tidak sekali-kali memintasi kawalan atau prosedur.
- Bersuara jika anda melihat sesuatu yang mencurigakan atau luar biasa.
- Jika anda tidak pasti sesuatu perkara adalah wajar atau tidak, bertanya—dapatkan kejelasan, jangan menanggung risiko melanggar peraturan.

### Apakah Perkara yang Dianggap sebagai

Penipuan ialah mana-mana tindakan sengaja yang bertujuan menipu atau mengelirukan orang bagi mendapatkan perolehan peribadi atau organisasi. Contoh termasuk:

- Pemalsuan rekod kewangan seperti invoice atau laporan perbelanjaan.
- Memanipulasi hasil ujian atau pensijilan.
- Menyalah nyata kelayakan atau status pematuhan.
- Mengelirukan pihak berkepentingan dengan membesar-besarkan atau mendakwa manfaat tertentu secara palsu atau menyembunyikan aspek yang berbahaya, seperti “acah hijau/putih”.
- Menyalah guna aset atau dana.

Jika suatu tindakan melibatkan pengubahsuaian atau penyembunyian fakta, tindakan itu dianggap sebagai penipuan.



### Sentiasa Ingat:

Integriti tidak boleh dirunding. Setiap tindakan perlu mencerminkan ketelusan dan kepercayaan. Jika tidak pasti, bertanya—melindungi reputasi kita dan keselamatan orang yang bergantung pada kita bermula daripada anda.



### Tempat untuk mendapatkan bantuan:

Jangan ragu-ragu untuk Bersuara dan meminta bantuan atau bimbingan.

- [AS334 – Dasar Pencegahan Penipuan](#) (akses dalaman Autoliv sahaja)

# Memimpin dengan Integriti

---

**Penepian:** Secara umumnya, tiada orang dikecualikan daripada apa-apa peruntukan Tatakelakuan kita, tidak kira jawatan mereka. Walau bagaimanapun, dalam keadaan terhad yang tertentu, CEO bersama dengan bidang tugas Pematuhan dan Integriti Korporat boleh menyetujui kebolegunaan peruntukan tertentu dalam Tatakelakuan kita untuk pekerja. Mana-mana penepian Tatakelakuan kita untuk pegawai eksekutif atau pengarah hanya boleh dibenarkan oleh Lembaga Pengarah kita atau, setakat yang dibenarkan oleh peraturan Bursa Saham New York, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan akan didedahkan kepada pihak berkepentingan seperti yang diwajibkan oleh undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

**Autoliv**

---